

# Cabaran perubahan

Oleh Kamal Ahmad

BH 15 MAY 2000

UMNO sedang menghadapi perubahan masyarakat dan politik sebagai cabaran dalam negara serta kerakusan pendukung konsep globalisasi sebagai ancaman pada peringkat antarabangsa. Justeru, parti itu perlu bersedia menanganinya dengan cara, kemampuan dan kebijaksanaan sendiri. Itulah intipati ucapan dasar dan ucapan penggulangan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang berakhir kelmarin.

Sebagaimana kelaziman ketika menangani masalah, tindakan Dr Mahathir kerap di luar dugaan. Kali ini beliau melihat cara memulihkan Umno ialah dengan memastikan parti itu tidak mempunyai banyak musuh termasuk bersikap baik-baik dalam menangani kumpulan kakitangan awam dan agensi kerajaan serta generasi muda yang menentang kerajaan ketika pilihan raya umum lalu.

Beliau memilih pendekatan lebih mesra iaitu mendampingi dan menjelaskan kebenaran kepada mereka kerana yakin kelompok itu akan mene-

rima dan tidak akan memusuhi lagi kerajaan.

Cabaran baru yang Dr Mahathir jelaskan secara panjang lebar ketika mengguling perbincangan ialah bagaimana Umno boleh menyesuaikan diri dalam satu masyarakat yang memperlihatkan kecenderungan tentangan terhadap kerajaan.

Caranya, kata beliau, anggaplah Umno seperti terkepung dan sebagai parti pembangkang yang terpaksa bergerak dalam persekitaran penuh tekanan, mendapat tentangan pelbagai pihak dan memiliki ruang bergerak terhad.

Semua ini memaksa Umno menyusun alternatif untuk melaksanakan segala kerja parti dilakukan sendiri tanpa bergantung kepada jentera dan agensi kerajaan. Inilah cabaran baru dalam negara yang tidak kurang sukar dan getimya perlu diterima serta dilalui oleh Umno.

Sementara itu, pelbagai andaian dan tafsiran terus dibuat mengenai barisan baru Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno selain Exco Pe-

## ANALISIS

muda atau Wanita walaupun Perhimpunan Agung Umno sudah selesai.

Sejak kemenangan diumumkan sehingga kini, masih ramai yang memperkatakan (kalaupun tidak memperkatakan) mengenai semua calon terabit. Umpamanya, kemenangan atau kekalahan si polan dan si polan sangat memeranjatkan serta di luar dugaan. Perwakilan dan pemerhati mengupas pula kemenangan atau kekalahan setiap calon.

Hasilnya lahirlah tuduhan dan andaian negatif yang semuanya dikaitkan dengan 'amalan yang tidak manis ketika mereka berkempen' khususnya tuduhan mengamalkan politik wang.

Nampaknya kemenangan dikaitkan dengan politik sogokan. Yang kalah pula didakwa bersih. Kata-kata lain mendakwa, kalau tidak banyak wang digunakan, sedikit sudah tentu ada. Berasaskah tuduhan itu? Untuk membuat perbandingan kes ini, ia umpama

## sikap dan globalisasi

nasib seorang lelaki yang pergi ke Golok, Haadyai atau Medan. Mereka dipandang serong sebagai kaki joli. Jika tidak mengulit perempuan, dituduh pergi berurut. Jika tidak berurut, mereka dikatakan lupa diri berjoget ram-bong atau dangdut.

Memandangkan dalam dunia politik memaksa seseorang berurusan dengan persepsi dan bukan fakta, jadi apa juga persepsi terhadap kemenangan atau kekalahan terpaksa diterima semua pihak. Ini termasuk persepsi 'jika tidak banyak, sedikit pasti ada'.

Persepsi itu menebal gara-gara setengah ahli dan pemimpin Umno yang ketegar dengan nasihat Presiden dan kehendak Umno supaya menghentikan gejala itu.

Justeru, ahli dan pemimpin Umno wajar mengikis imej 'cakap tak serupa bikin' kerana dalam masa mereka menyokong teguran itu, sebahagiannya terbabit dengan politik wang. Ungkapan itu pastinya pedas, sinis dan kemungkinan ada benarnya.

Tetapi ada perwakilan dan pemerhati tidak mengangap kemerosotan undi

khususnya orang Melayu terhadap calon Umno dalam pilihan raya umum ke-10 lalu gara-gara politik wang. Alasan mereka semua pihak tahu siapa Pas sebelum ekonomi negara diserang kegawatan dan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1997.

Ketika itu Pas sebuah parti yang dilihat hampir berkubur selepas kalah teruk dalam pilihan raya umum 1990 dan 1995. Tetapi keupayaan Pas mengekalkan penguasaan di Kelantan, menawan Terengganu dan melakukan kejutan di beberapa negeri adalah kesan dua isu berkenaan, bukan kerana kebosanan dan kemarahan pengundi terhadap gelagat pemimpin Umno.

Tidak salah untuk menerima persepsi versi ini kerana ada logiknya. Tetapi soal lebih pokok ialah sememangnya politik wang dan gelagat setengah pemimpin Umno menyebabkan akar umbi termasuk ahli Umno sendiri muak dan bosan terhadap Umno.

Mereka menggunakan pilihan raya untuk menyatakan protes itu dan Dr Mahathir melihat kebejatan peribadi setengah ahli Umno bermain wang

kini membawa alamat buruk kepada Umno. Justeru, setelah mengetahui puncanya, apakah Umno masih mahu menempah kekalahan.

Mengenai barisan baru pucuk kepimpinan Umno, kemenangan 11 calon dari luar kerajaan dilihat sebagai peluang mewujudkan suasana lebih seimbang dalam MT.

Dengan latar belakang yang pelbagai termasuk memiliki kepakaran dalam bidang saraf atau strategik, Umno dilihat mampu bertindak lebih dinamik. Malah ada pihak setuju jika status quo itu dikekalkan supaya ada lebih banyak input dari luar kerajaan.

Saranan itu pun sejajar dengan pendapat Dr Mahathir bahawa calon dari luar kerajaan yang menang tidak semestinya akan dibawa masuk kerajaan.

Mengenai perbincangan, Umno wajar lebih kritis dan prihatin dengan pembahasannya. Masih ramai pembahas yang tidak sewajarnya berdiri di rostrum, terus diberi peluang menidurkan perwakilan. Ini perlu diubah pada perhimpunan akan datang.